

# Kajian NTU: Sentimen sejagat di media sosial mengenai Covid-19 beralih dari takut kepada marah

PERASAAN orang ramai tentang Covid-19 di seluruh dunia telah beralih daripada takut kepada marah dan gembira sedang pandemik itu berkembang, menurut satu kajian diterajui Universiti Teknologi Nanyang (NTU) yang menganalisis 20 juta *tweet* di Twitter dari Januari hingga April.

Dapatan kumpulan itu, yang dikeluarkan semalam, menunjukkan bahawa rasa takut merupakan emosi utama dari lewat Januari hingga awal Mac, dan membentuk sehingga separuh daripada *tweet* yang dianalisis setiap hari, lapor *The Straits Times*.

Namun, perasaan itu mula merosot sedang rasa marah pula meningkat pada lewat Februari, memuncak kepada 29 peratus *tweet* setiap hari pada 12 Mac, sehari selepas Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan Covid-19 sebagai pandemik, sementara rasa gembira pula mula naik secara perlahan dari lewat Mac hingga awal April.

Kajian itu menganalisis *tweet* dalam bahasa Inggeris yang membuat rujukan kepada coronavirus itu.

Satu algoritma mesin pembelajaran dipanggil CrystalFeel yang dibangunkan Agensi bagi Sains, Teknologi dan Penyelidikan (A\*Star) telah digunakan untuk mengenal pasti rasa gembira, sedih, takut dan marah berdasarkan perkataan atau frasa yang sering digunakan.

Contohnya, perkataan seperti “takut” atau “panik” mungkin muncul di samping istilah berkaitan Covid-19 seperti “kes disahkan” atau “kekurangan ujian”.

Ini menunjukkan rasa takut semasa ketidakpastian awal yang menyelubungi coronavirus itu dan kemudian kekurangan ujian Covid-19, kata kumpulan itu.

Selain itu, xenofobia merupakan tema umum dalam kalangan *tweet* berkaitan kemarahan pada permulaan pandemik apabila China merupakan pusat Covid-19, dengan “orang Cina” merupakan frasa paling biasa ditemui.

Namun, kemarahan itu kemudian berubah pada April, kata kumpulan itu, dengan “duduk rumah” dan pelbagai perkataan maki hamun menjadi lebih biasa dalam *tweet*,

mencerminkan perasaan negatif berkaitan pengasingan sosial.

Kajian itu juga menunjukkan peningkatan sentimen kegembiraan yang berkaitan dengan kebanggaan nasional dan semangat masyarakat sedang masa berlalu, yang menurut penyelidik menawarkan “sinar harapan”.

“Dapatan kami menyarankan bahawa masalah kolektif yang didorong emosi, seperti pengalaman kesusahan bersama (semasa) pandemik Covid-19... sedang berkembang,” kata ketua kumpulan Professor May O. Lwin dari Sekolah Komunikasi dan Maklumat Wee Kim Wee NTU.